



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 1 NOVEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	DAN 2.0 PACU SEKTOR AGROMAKANAN, SH -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	HELP THE PEOPLE GET FOOD SUPPLIES AT AFFORDABLE PRICES, BERITA NASIONAL -TV1	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3.	MEDAC SEDIA BERI PINJAMAN KEPADA NELAYAN MENERUSI TEKUN NASIONAL, ASTRO AWANI -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
4.	KOMPLEKS LKIM KUALA SELANGOR JADI IBU PEJABAT NEGERI TAHUN DEPAN, SH -ONLINE	
5.	MUDAH LAGI MURAH, LOKAL, HM -9	
6.	LKIM NAIK TARAF HIDUP NELAYAN, NASIONAL, SH -5	
7.	MEDAC BANTU NELAYAN DAPATKAN PEMBIAYAAN, NEGERI SELANGOR, SH -36	
8.	JUBLI EMAS 50 TAHUN LKIM, MUKA DEPAN, KOSMO -1	
9.	JUBLI EMAS 50 TAHUN LKIM, MUKA DEPAN, UM -1	
10.	JUBLI EMAS 50 TAHUN LKIM, MUKA DEPAN, SH -1	
11.	AGIHAN BENIH PADI MADA BAGI PENANAMAN MUSIM DUA DIJANGKA SELESAI NOVEMBER, ASTRO AWANI -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
12.	JANGAN PANIK AIR EMPANGAN MUDA MELIMPAH - MADA, ASTRO AWANI - ONLINE	
13.	370 HEKTAR SAWAH ROSAK, DALAM NEGERI, UM -13	
14.	AGIHAN BENIH PADI SELESAI KHAMIS, DALAM NEGERI, UM -13	
15.	PROSES AGIH BENIH PADI DIJANGKA SELESAI KHAMIS, NASIONAL, BH -26	
16.	AGIHAN BENIH PADI MADA SELESAI 4 NOV, NEGERI KEDAH, SH -32	
17.	AGROBANK TAWAR PEMBIAYAAN RM75,000, BISNES, HM -26	AGROBANK
18.	AGROBANK AKAN TAWAR PEMBIAYAAN MIKRO TANPA CAJ FAEDAH, BISNES, SH -38	
19.	AGROBANK TAWAR PEMBIAYAAN MIKRO TANPA CAJ FAEDAH, BISNES, BH -44	
20.	BAJET 2022 KHUSUS UNTUK JAMINAN BEKALAN MAKANAN NEGARA: NAFAS, SH -ONLINE	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
21.	JAMBU BATU LOHAN JANA HASIL RM10,000 SEMINGGU, LOKAL, HM -9	LAIN-LAIN
22.	BELANJAWAN 2020: JURANG MISKIN KAYA SEMAKIN MELEBAR, THE MALAYSIAN INSIGHT, THE MALAYSIAN INSIGHT -ONLINE	
23.	FARMER STRIKES BIG WITH LOHAN GUAVA AFTER POOR VEGGIE SALES DURING MCO, BORNEO POST (KUCHING) -ONLINE	
24.	FARMER STRIKES BIG WITH LOHAN GUAVA, BORNEO POST (KK) -ONLINE	
25.	FARMER STRIKES IT BIG WITH LOHAN GUAVA, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -5	
26.	FARMER ENJOYING FRUITS OF HIS LABOUR IN LOHAN GUAVA VENTURE, NEWS IN BRIEF, NST -2	
27.	BAJET 2022: NELAYAN PUAS HATI PERUNTUKAN RM150 JUTA, DALAM NEGERI, UM -41	
28.	KEKURANGAN DIRI PENCETUS KEJAYAAN, DALAM NEGERI, UM -41	
29.	NASIB NELAYAN 'KAIS PAGI MAKAN PAGI', DALAM NEGERI, UM -41	
30.	PERMINTAAN DAGING TEMPATAN MENINGKAT, KELANTAN, HARAKAH -H12	

UKKMAFI

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/11/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

DAN 2.0 pacu sektor agromakanan



Sektor pertanian yang mampan memberi saingan yang positif kepada golongan petani dan peniaga.

Fokus aspek sekuriti makanan, pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat

SHAH ALAM - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menjadikan agenda utama kerajaan dalam memberi jaminan terhadap keselamatan bekalan makanan negara bagi memastikan ia bukan sahaja mencukupi tetapi

mampu dimiliki, selamat dan berkualiti.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Ronald Kiandee berkata, pemodenan sektor agromakanan juga akan turut dipacu melalui adaptasi mekanisasi dan teknologi dalam usaha untuk meningkatkan sumbangan sektor pertanian kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

“Ia seiring dengan perkembangan teknologi baharu dalam era digitalisasi serta adaptasi kepada Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0), peranan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang diberi penekanan di dalam Rancangan Malaysia ke-12 (2021-2025),” katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Ronald berkata, usaha itu bagi meningkatkan produktiviti, sistem sokongan dan perkhidmatan, serta memperkasa rantaian nilai makanan yang secara langsung menyumbang kepada kelestarian sistem makanan.



Ronald

Menurutnya, seiring dengan usaha itu, Majlis Pelancaran DAN 2.0 akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada 25 Oktober 2021 di Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Kuala Lumpur.

Sementara itu, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Haslina Abdul Hamid berkata, Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) merupakan dasar agromakanan baharu bagi

menggantikan Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2011-2020 yang telah tamat tempoh pada tahun 2020.



Haslina

“Terdapat enam objektif utama pelaksanaan DAN 2.0. Ia bertujuan meningkatkan pertumbuhan pendapatan dan kualiti hidup yang lebih baik bagi pengeluar makanan dan mempertingkatkan output pengeluaran serta kualiti penuaian melalui peningkatan produktiviti.

Objektif ketiga, mewujudkan rantaian nilai yang lebih tangkas dan berdaya tahan dengan aktiviti nilai tambah yang tinggi manakala objektif keempat untuk menambah baik sekuriti dan

nutrisi makanan rakyat.

Sementara objektif kelima pula fokus kepada memacu pertumbuhan ekonomi, sosial dan inklusiviti serta objektif keenam ialah menggalakkan amalan penggunaan dan pengeluaran makanan secara mampan.

Menurut beliau, penggubalan DAN 2.0 adalah perlu dengan mengambil kira isu sekuriti makanan meliputi daya saing dan kemampanan berlandaskan prinsip dan teras Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) dan Agenda Pembangunan Mampan 2030 (SDG 2030) termasuk Rancangan Malaysia (RMK12 dan RMK13) bagi menjayakan transformasi dan pemodenan sektor agromakanan.



Katanya, DAN 2.0 dirangka dengan mengambil kira situasi semasa sektor agromakanan negara, pencapaian sebelum ini, cabaran dan hala tuju sektor dalam tempoh 10 tahun akan datang.

“Cabaran-cabaran seperti sumber air dan tanah, rantaian nilai, tenaga kerja, aplikasi teknologi, perubahan iklim, tadbir urus, infrastruktur dan pelaburan serta peningkatan permintaan, perubahan diet dan keselamatan makanan akan ditangani melalui pelbagai strategi dan pelan tindakan yang digariskan,” katanya dalam program wawancara Selamat

Pagi Malaysia mengenai Dasar Agromakanan Negara, baru-baru ini.

Jelasnya, antara komponen yang terkandung dalam DAN 2.0 ialah pernyataan dasar, tiga prinsip (ekonomi, sosial dan alam sekitar), enam objektif, lima teras dasar, 21 strategi teras dasar berserta 77 pelan tindakan dan 18 strategi subsektor berserta 58 pelan tindakan.

Fokus utama

DAN 2.0 akan memberikan fokus kepada aspek sekuriti makanan, pertumbuhan ekonomi serta kesejahteraan rakyat dan pengeluar makanan.

DAN 2.0 bakal meningkatkan pertumbuhan pendapatan dan kualiti hidup yang lebih baik kepada golongan pengusaha pertanian.

Dalam aspek sekuriti makanan, DAN 2.0 akan memantapkan lagi usaha ke arah mempertingkatkan tahap pengeluaran petani dan pengusaha melalui aplikasi teknologi moden, pengurusan sumber secara mampan dan rantai bekalan yang lebih cekap.

Katanya, menerusi pertumbuhan ekonomi, sektor agromakanan terus mencatatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang positif dengan kadar pertumbuhan 6.8% kepada RM51.3 bilion pada 2020 berbanding RM28.3 bilion pada 2011.

Bidang ternakan diberi fokus dengan matlamat meningkatkan pengeluaran daging tempatan dan keselamatan makanan melalui amalan penternakan baik serta moden.

“Ini menunjukkan sektor agromakanan berpotensi untuk memberi sumbangan yang lebih besar kepada ekonomi negara,” katanya.

Sektor pertanian akan dipergiat dengan menggunakan teknologi pintar untuk meningkatkan produktiviti.

DAN 2.0 akan fokus untuk memacu pertumbuhan sektor ini dengan aktiviti nilai tambah melalui pemeraksanaan penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I), penggunaan teknologi Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0) serta pemantapan dan pendigitalan rantai nilai.

Mesin Jentuai Mini merupakan salah satu jentera yang digunakan

Dalam menuju ke status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2030, aspek sekuriti dan keselamatan makanan serta pemakanan juga perlu diberi penekanan dalam pembangunan masyarakat.

“DAN 2.0 akan turut fokus kepada amalan pertanian mampan dengan penggunaan sumber bio untuk meningkatkan keselamatan makanan dan mengurangkan pencemaran alam sekitar.

“Ia juga sebagai usaha mengurangkan kehilangan makanan dan pembaziran makanan dengan meningkatkan kecekapan penggunaan sumber,” katanya.

Sektor agromakanan berpotensi untuk memberi sumbangan besar kepada ekonomi negara.

Skim pembiayaan, insurans dan skim perlindungan sosial turut diberi perhatian bagi menjaga kepentingan dan kelangsungan hidup pengeluar makanan.

Teras dasar

DAN 2.0 telah menyenaraikan 21 strategi dan 77 pelan tindakan dengan lima teras utama.

Teras pertama: Mendukung pemodenan dan pertanian pintar serta penekanan kepada R&D&C&I.

Teras kedua: Memperkukuh pasaran domestik dan eksport dengan meningkatkan hasil keluaran yang mempunyai permintaan tinggi.

Teras ketiga: Membangunkan bakat yang memenuhi permintaan industri dengan meningkatkan penglibatan belia dalam sektor agromakanan dan mewujudkan tenaga kerja mahir.

Teras keempat: Meningkatkan amalan pertanian dan sistem makanan yang mampan iaitu mengurangkan pembaziran makanan, penggunaan dan pengeluaran mampan, pemuliharaan biodiversity serta keselamatan dan nutrisi makanan.

Teras kelima: Menyediakan ekosistem perniagaan yang kondusif dan kerangka institusi yang kukuh meliputi penambahbaikan dalam aspek guna tanah, kewangan, infrastruktur, digital dan tadbir urus dalam sektor agromakanan.

Strategi dan pelan tindakan yang dirangka akan dilaksanakan oleh jabatan atau agensi MAFI dalam tempoh 10 tahun akan datang dalam tempoh jangka pendek (1-2 tahun), jangka sederhana (3-5 tahun) dan jangka panjang (6-10 tahun).

DAN 2.0 diharap dijadikan panduan utama dalam pembangunan sektor agromakanan negara oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) khususnya dalam usaha memodenkan sektor agromakanan dan mempertingkatkan sekuriti makanan negara.

“Sokongan semua pihak penting supaya aspirasi dan objektif DAN 2.0 dapat dicapai menjelang 2030,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/11/2021	BERITA NASIONAL	TV1	

HELP THE PEOPLE GET FOOD SUPPLIES AT AFFORDABLE PRICES



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/11/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

MEDAC sedia beri pinjaman kepada nelayan menerusi Tekun Nasional



Tan Sri Noh Omar berucap ketika Sambutan Road to Jubli Emas 50 Tahun Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Prihatin Nelayan di Kompleks LKIM Kuala Selangor pada Ahad. - Foto BERNAMA

KUALA SELANGOR: Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) bersedia menawarkan pinjaman menerusi agensinya, Tekun Nasional, kepada golongan nelayan untuk dijadikan modal bagi memasarkan hasil laut mereka.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar berkata selain itu, nelayan turut digalakkan mempelbagaikan sumber pendapatan serta menumpukan aktiviti kepada pelancongan yang dilihat mampu menarik minat pelancong dalam dan luar negara.

"Kita sedia bekerjasama dengan nelayan memandangkan apabila menjual ikan, mereka ditakrifkan sebagai usahawan dan sekiranya Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) memberikan geran yang tidak mencukupi, mereka boleh bekerjasama dengan Tekun Nasional untuk memperolehi pinjaman dan boleh mengembangkan perniagaan," katanya kepada pemberita di sini, pada Ahad.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Tanjong Karang berkata demikian pada sambutan 'Road to Jubli Emas 50 Tahun LKIM' serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Prihatin Nelayan.

Noh berkata nelayan di kawasan Kuala Selangor boleh menjana pendapatan sampingan dalam pelancongan ekologi dengan berlatarbelakangkan keindahan semula jadi habitat bangau yang menjadi tarikan pelancong serta pertunjukan bot berhias pada waktu malam.

Sementara itu, Pengerusi LKIM, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata pejabat LKIM Selangor yang berpusat di Seksyen 11, Shah Alam akan berpindah ke Kompleks LKIM di sini tahun hadapan supaya berhampiran dengan aktiviti nelayan.

"Justifikasi pemindahan pejabat adalah supaya pegawai lebih intim dengan nelayan dan boleh tengok peluang apa yang ada untuk nelayan dengan lebih dekat," katanya.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/11/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Kompleks LKIM Kuala Selangor jadi ibu pejabat negeri tahun depan



Syed Abu (empat dari kiri) dan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar (tiga dari kanan) bergambar bersama penerima bantuan LKIM pada Majlis Sambutan Road To Jubli Emas 50 Tahun LKIM dan Mafi Prihatin Nelayan Peringkat LKIM Negeri Selangor di sini pada Ahad.

KUALA SELANGOR - Kompleks Perikanan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kuala

Selangor akan beroperasi sebagai ibu pejabat baharu LKIM Selangor pada tahun depan.

Pengerusinya, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, kompleks seluas dua hektar itu akan menggantikan Pejabat LKIM Selangor di Seksyen 11 Shah Alam.

Menurutnya, seramai lebih 50 pegawai dan kakitangan akan berpindah ke kompleks terbabit bagi membantu dan memudahkan urusan nelayan sekitar kawasan Selangor Utara membabitkan Sabak Bernam hingga Kuala Selangor.

"Ada beberapa isu teknikal seperti pembesaran ruang pejabat sebelum semua urusan pemindahan ke Kompleks LKIM ini (Kuala Selangor)," katanya dalam sidang akhbar selepas Majlis Sambutan Road To Jubli Emas 50 Tahun LKIM dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Prihatin Nelayan Peringkat LKIM Negeri Selangor di sini pada Ahad.

Syed Abu berkata, dengan pemindahan kompleks LKIM Kuala Selangor yang terletak di tepi Sungai Selangor itu ia diharap dapat merancakkan lagi aktiviti nelayan sekitar kawasan berkenaan.

"Pada mulanya memang ada keberatan untuk berpindah, tetapi sebagai agensi mengurus selia dan menangani pelbagai isu melibatkan nelayan kita mesti dekat dengan golongan ini serta menghayati kehidupan mereka," katanya.

Menurutnya, LKIM juga melihat peluang dan potensi pelancongan kepada nelayan di sekitar Kuala Selangor.

"Kami berharap dapat membuat pelbagai aktiviti pelancongan selain menyediakan kemudahan pendaratan ikan yang moden serta mewujudkan lebih peluang perniagaan untuk pasaran lebih kompetitif," katanya.

Kuala Lumpur

Pasar Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Bergerak Prihatin Rakyat satu lagi inisiatif agensi berkenaan untuk membantu masyarakat luar bandar dan bandar yang menghadapi kesulitan ketika pandemik membeli barangan keperluan asas pada harga berpatutan.

LKIM dalam satu kenyataan berkata, projek hasil cetusan idea Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Klian-dee dan Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Datuk Syed Abu

Mudah lagi murah

Pasar LKIM Bergerak Prihatin Rakyat ringan kos sara hidup

Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal itu memastikan bekalan keperluan asas makanan dinikmati pada harga berpatutan kepada pengguna terutama golongan B40 dan M40 bagi menepati Aspirasi Keluarga Malaysia yang dilancarkan YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Pasar LKIM Bergerak Prihatin Rakyat ini juga satu kesinambungan pasar nelayan aktif sedia ada di seluruh negara bagi menyediakan kemudahan kepada rakyat di

kawasan bandar dan pinggir bandar untuk mengurus atau membeli secara terus bagi mendapat bekalan terutama sewaktu pandemik Covid-19 dan fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Kemudahan berkenaan juga dikendalikan usahawan dipilih LKIM dan turut bekerjasama dengan persatuan nelayan.

Dengan kewujudan Pasar LKIM Bergerak Prihatin Rakyat ini ia dapat memberi pilihan kepada rakyat di kawasan berkenaan untuk mendapatkan bekalan ikan



PASAR LKIM Bergerak Prihatin Rakyat menyediakan keperluan asas dan hasil produk perikanan.



WAKTU operasi Pasar LKIM Bergerak Prihatin Rakyat dari jam 9 pagi hingga 10 malam.



dan barangan keperluan asas pada harga munasabah dan berpatutan.

Pelaksanaan konsep ini ia secara langsung merancakkan pertumbuhan ekonomi setempat dalam sektor pemasaran dan peruncitan.

Antara konsep pelaksanaan Pasar LKIM Bergerak Prihatin Rakyat meliputi produk keperluan asas dan hasil produk perikanan dengan sasaran golongan nelayan, masyarakat B40 dan M40.

Waktu operasi perniagaan Pasar LKIM Bergerak Prihatin Rakyat adalah dari jam 9 pagi hingga 10 malam atau mengikut kesesuaian waktu dan bergantung kepada kebenaran pihak berkuasa tempatan.

Tumpuan lokasi adalah di kawasan kediaman terpilih di seluruh negara yang mempunyai kepadatan penduduk dalam kalangan masyarakat B40 dan M40 serta komuniti nelayan.

Melaka: Kesukaran memasak sayur-sayuran ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula Mac 2020 memaksa Abd Halim Abdullah mencari alternatif lain untuk kekal bertahan dan meneruskan kelangsungan hidupnya sebagai petani.

Kemigian mencecah sehingga ribuan ringgit sehari, menyebabkan Abd Halim, 45, yang juga seorang kontraktor telekomunikasi beralih mengusahakan jambu batu atau guava varieti Lohan (GU16) dan ternyata usaha beliau menampakkkan hasil lumayan selepas sembilan bulan menceburi penanaman jambu berkenaan.

Kini, beliau menumpukan sepenuh masa sebagai pengusaha jambu batu Lohan sehingga memiliki tiga kebun seluas 2.83 hektar di sekitar Kampung Tengah, Pulau Gadong di sini, dengan 1,000 pokok sekali gus menjadi pengusaha tunggal di Melaka.

"Alhamdulillah, rata-rata pokok jambu yang ditanam mencecah usia matang dan mampu mengeluarkan dua tan metrik jambu seminggu dengan pendapatan mencecah RM10,000," katanya ketika ditemui di kebunnya.

Jambu batu Lohan jana hasil RM10,000 seminggu



ABD Halim memeriksa kualiti buah jambu batu yang ditanam di kebunnya di Pulau Gadong.

Abd Halim yang mengusahakan tanaman seperti cili padi centil dan terung sejak 13 tahun lalu mengakui keputusan mengusahakan tanaman jambu batu itu dilakukan berikutan pendapatannya sebagai kontraktor terjejas dalam tempoh PKP dan sekatan perjalanan.

"Pada mulanya banyak kesukaran dihadapi termasuk isu pemasaran sehingga bertan-tan jambu dibuang kerana saya tidak tahu ke mana hendak memasarkannya se-

hingga saya berkolaborasi dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Melaka," katanya yang dibesarkan dalam keluarga petani.

Abd Halim berkata, sehingga kini, beliau membekalkan jambu batu berkenaan kepada lebih 50 peniaga kecil dan seorang pemborong di negeri itu selain tu-



rut memasarkan hasil taninya di Negeri Sembilan, Selangor, Kuala Lumpur dan Fama Melaka.

Bapa empat anak itu berkata, pengeluaran kira-kira lapan tan metrik buah jambu sebulan kadangkala tidak mampu menampung pasaran luar Melaka, justeru, beliau mengusahakan projek rintis jambu U16 secara berke-

lompok bersama enam rakan di kawasan seluas 3.24 hektar di Jalan Setulang Daeng, Bukit Rambai di sini dengan jumlah 2,000 pokok.

"Projek rintis ini bermula awal Oktober lepas dan tanaman diusahakan secara berperingkat serta dijangka siap pada Disember depan sebelum satu lagi projek tanaman secara kelompok diusahakan di tanah seluas 6.47 hektar di Bukit Katil pada awal tahun depan.

"Sekurang-kurangnya 10 tan metrik jambu disasarkan dapat dihasilkan dalam seminggu menjelang tahun depan," katanya yang kini mempunyai empat pekerja sepenuh masa termasuk seorang orang kurang upaya (OKU) untuk membantunya mengurus tiga kebun.

Bercerita lanjut, anak kelahiran Muar, Johor itu berkata, setakat ini jambu batu Lohan keluarannya itu banyak menerima respons positif daripada pembeli malah ada yang menjadi pelanggan tetap disebabkan gemaran rasa manis, rangup jambu berkenaan, selain mempunyai kandungan air tinggi.

"Buah jambu kami dijual terus dari kebun kepada pelanggan dengan harga mengikut gred iaitu RM5 sekilogram bagi gred A, gred B (RM4) dan gred C (RM3)," katanya.

Katanya, Fama juga bercadang melakukan penjenamaan ke atas nama jambu batu Lohan keluarannya, sekali gus menjadikan jambu batu sebagai ikon buah bagi Melaka dan beliau sangat berbesar hati dan mengharagai inisiatif berkenaan.

Harga jambu dijual ikut gred iaitu RM5 sekilogram gred A, gred B (RM4) dan gred C (RM3)

LKIM naik taraf hidup nelayan

Kesejahteraan golongan itu diutamakan menerusi pelaksanaan PKPN

Meniti usia 50 tahun, kewujudan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dilihat sebagai sebahagian daripada sejarah penting industri perikanan negara.

Ia bertitik tolak kepada usaha meningkatkan taraf hidup dan kedudukan sosioekonomi nelayan sehingga menjadikannya agensi yang komited memperjuangkan kemajuan, sosial dan ekonomi golongan ini.

Menurut Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, walaupun berdepan pelbagai cabaran, LKIM sejak penubuhannya pada 1 November 1971 telah berusaha keras meningkatkan pendapatan nelayan dan menjaga kesejahteraan golongan ini, sekali gus memperkembangkan dan memajukan sektor perikanan negara secara keseluruhannya.

"Kejayaan LKIM dalam pelbagai program dan inisiatif bagi meningkatkan produktiviti tangkapan hasil laut telah banyak membantu menaikkan taraf hidup dan sumber ekonomi nelayan dari semasa ke semasa.

"Sumber pendapatan nelayan dan keluarga nelayan diperkembangkan menerusi pelbagai bidang di keseluruhan rantaian perikanan seperti agropelancongan, akuakultur, pemprosesan, aktiviti perdagangan serta industri hiliaran," katanya dalam ucapan sempena Sambutan Jubli Emas 50 Tahun LKIM.

Beliau berkata, ia selari dengan hasrat MAFI bagi menjadikan sektor pertanian dan industri makanan termasuk sektor perikanan sebagai penyumbang utama ekonomi negara.

Oleh itu katanya, pelbagai lagi program dan pendekatan baharu akan dirangka bagi meningkatkan pengeluaran dan memastikan bekalan ikan negara mencukupi serta memenuhi piawaian.

Jelasnya, usaha pembangunan sektor perikanan akan terus diberi perhatian serius



Perumahan nelayan dinaik taraf sebagai satu agenda kesejahteraan golongan itu.



RONALD KIANDEE

Sumber pendapatan nelayan dan keluarga nelayan diperkembangkan menerusi pelbagai bidang di keseluruhan rantaian perikanan seperti agropelancongan, akuakultur, pemprosesan, aktiviti perdagangan serta industri hiliaran.

oleh MAFI di samping mengalu-alukan usaha transformasi dalam sektor ini bagi memastikan pembangunan perikanan yang berterusan selaras dengan hasrat untuk menjayakan agenda Dasar Agromakanan Negara 2.0 (2021-2030) serta Pelan Tindakan Sekuriti Makanan Negara.

Inisiatif LKIM

LKIM sebagai sebuah agensi di bawah MAFI telah diberi tanggungjawab untuk meningkatkan taraf sosioekonomi kehidupan nelayan dan memajukan industri perikanan negara.

LKIM komited dalam memastikan segala aspek keperluan nelayan dipenuhi, termasuklah aspek persekitaran dan tempat tinggal.

Jika sebelum ini nelayan tinggal di rumah yang usang dan uzur, kini rata-rata mereka tinggal di kediaman yang selesa dan kondusif hasil usaha LKIM menerusi pelbagai inisiatif dan program yang diperkenalkan.

Di bawah Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN) misalnya, usaha meningkatkan taraf hidup nelayan diperkasakan menerusi inisiatif baik pulih rumah, membina rumah baharu selain mewujudkan penempatan semula nelayan dengan prasarana dan kelengkapan infrastruktur asas supaya mereka menikmati kualiti hidup yang lebih baik dan selesa.



Pelbagai projek bina lumpuan untuk meningkatkan sosioekonomi golongan nelayan menerusi projek akua dan tanaman kontan.

Tiga komponen utama Projek Khas Perumahan Nelayan:

Baik Pulih Rumah Nelayan

- Kadar maksimum untuk baik pulih adalah RM13,000/unit (Semenanjung Malaysia) dan RM15,000/unit (Sabah/Sarawak/Labuan).
- Tambahan maksimum RM2,000/unit (Semenanjung Malaysia) dan RM3,000/unit (Sabah/Sarawak/Labuan) dipertimbangkan bagi kawasan pulau tanpa kemudahan pengangkutan yang sempurna.

Bina Baharu Rumah Nelayan

- Kadar maksimum untuk bina baharu adalah RM56,000/unit (Semenanjung Malaysia) dan RM68,000/unit (Sabah/Sarawak/Labuan).
- Tambahan maksimum 10 peratus boleh dipertimbangkan bagi kawasan pulau tanpa kemudahan pengangkutan yang sempurna.

Penempatan Semula Nelayan (PSN)

- Menumpukan kepada pembangunan penempatan semula nelayan dengan prasarana asas yang selesa.
- Antara PSN yang telah siap dan didiami adalah PSN Tok Bali di Kelantan, PSN Tanjung Dawai di Kedah, PSN Teluk Baharu, Pulau Pangkor di Perak, PSN Bunut Rendang di Pahang dan PSN Semop, Mukah di Sarawak.



Kediaman yang selesa dan kondusif menerusi program Penempatan Semula Nelayan.



Pasar nelayan yang lengkap dan teratur di Teluk Kemang, Port Dickson.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/11/2021	SINAR HARIAN	NEGERI SELANGOR	36

MEDAC bantu nelayan dapatkan pembiayaan

Bagi mengembangkan aktiviti perniagaan hasil laut dan yang ingin ceburi sektor pelancongan

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

KUALA SELANGOR

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) sedia bekerjasama dengan nelayan yang ingin menjadi usahawan mendapatkan bantuan pembiayaan di bawah agensinya, Tekun Nasional (Tekun).

Menterinya, Tan Sri Noh Omar berkata, mereka akan dibantu bagi mendapatkan pembiayaan untuk mengembangkan perniagaan masing-masing.

Menurutnya, meskipun ada antara mereka mendapat geran bantuan daripada agensi kerajaan, namun jumlah diperlukan mungkin tidak mencukupi.

"LKIM (Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia) boleh bekerjasama dengan Tekun untuk membantu nelayan membuat pinjaman sehingga RM30,000," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Sambutan Road To Jubli Emas 50 Tahun LKIM dan Kementerian



Noh (empat dari kiri) melancarkan gimik perasmian pada Majlis Sambutan Road To Jubli Emas 50 Tahun LKIM dan Mafi Prihatin Nelayan Peringkat LKIM Negeri Selangor pada Ahad.

Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Prihatin Nelayan Peringkat LKIM Negeri Selangor di sini pada Ahad.

Noh yang juga Ahli Parlimen Tanjong Karang berkata, bantuan pembiayaan itu ditawarkan kepada nelayan bagi mengembangkan aktiviti perniagaan membabitkan hasil laut dan mereka yang ingin men-ceburi sektor pelancongan.

"Antara produk yang boleh dijual seperti hasil laut, ikan kering dan pelbagai aktiviti lain yang boleh menambahkan sumber pendapatan nelayan," jelasnya.

Selain itu, katanya, golongan itu

juga diharap dapat mengubah kehidupan menggunakan bot menangkap ikan dengan menghias bot tersebut untuk aktiviti pelancongan terutama pada hujung minggu.


"Kompleks LKIM Kuala Selangor ini berpotensi dikembangkan sebagai pusat pelancongan yang mampu menarik kedatangan pelancong.

"Kita ingin mewujudkan pusat pelancongan bagi aktiviti nelayan iaitu orang ramai boleh menyaksikan sendiri bot berhias, kehidupan nelayan dan beberapa pertunjukan lain termasuk operasi menyelamat di sungai yang dilakukan pihak berkuasa," katanya.


TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/11/2021	KOSMO	MUKA DEPAN	1



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/11/2021	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/11/2021	SINAR HARIAN	MUKA DEPAN	1



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/11/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

Agihan benih padi MADA bagi penanaman musim dua dijangka selesai November



Beliau berkata benih padi yang mendapat permintaan tinggi ialah varieti MR297 dan pesawah yang membuat pesanan kepada PPK diharap tidak menukar tempahan pada saat akhir - Gambar hiasan

ALOR SETAR: Pengagihan benih padi sah (BPS) kepada pesawah dalam kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) bagi musim 2/2021 kini mencapai 86.4 peratus atau 102,644 beg dan aktiviti mengagihkannya dijangka selesai menjelang 4 Nov ini.

Pengerusi MADA Ahmad Tarmizi Sulaiman berkata setakat 27 Okt lepas, sebanyak 130,388 beg BPS dipesan oleh pesawah melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

"Beberapa inisiatif dan tindakan proaktif telah dilaksanakan MADA bagi memastikan aktiviti penanaman tidak tergendala," katanya kepada pemberita selepas melawat Kilang Benih Padi Seri Merbok di Simpang Empat dekat sini pada Ahad.

Beliau berkata beberapa siri mesyuarat dan perbincangan bersama dengan pihak pengeluar BPS dan agensi terbabit secara langsung dalam pengeluaran BPS seperti Jabatan Pertanian Malaysia serta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah diadakan pada 18 Ogos dan 17 Okt lepas.

"MADA juga melaksanakan pemantauan secara berkala di tiga peringkat pengeluaran BPS iaitu di peringkat pengeluar, pemborong, makmal Jabatan Pertanian Malaysia serta di peringkat PPK sendiri," katanya.

Ahmad Tarmizi turut menasihati pesawah agar menempah BPS menerusi PPK bagi mengelak daripada manipulasi harga oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

"Harga runcit BPS yang ditetapkan ialah RM35 satu beg namun pihak kami mengesan terdapat peruncit yang mengambil kesempatan menjualnya pada harga melebihi RM40 satu beg.


"... kita kesal dengan apa yang berlaku, ada peruncit ambil kesempatan memanipulasi harga ketika pesawah memerlukan benih untuk memulakan penanaman padi bagi musim 2/2021," katanya.

Beliau berkata benih padi yang mendapat permintaan tinggi ialah varieti MR297 dan pesawah yang membuat pesanan kepada PPK diharap tidak menukar tempahan pada saat akhir bagi mengelak berlaku kelewatan proses menabur benih seperti yang dijadualkan pihak MADA.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/11/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

Jangan panik air Empangan Muda melimpah - MADA



Gambar fail limpahan air Empangan Muda pada tahun lalu. (Gambar kecil) : Ahmad Tarmizi

ALOR SETAR: Penduduk tinggal berdekatan Empangan Muda tidak perlu risau atau panik susulan air di empangan tersebut melimpah sejak Khamis lalu.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Ahmad Tarmizi Sulaiman berkata, limpahan secara automatik itu adalah prosedur biasa apabila kapasiti empangan melebihi 100 peratus.

Katanya, bagaimanapun limpahan yang berlaku masih terkawal dan dialirkan melalui Sungai Muda.

"Pada hari ini (Ahad) paras air di Empangan Muda dicatatkan pada paras 331.05 kaki iaitu 4.2 peratus melebihi kapasiti.

"Limpahan berlaku pula adalah sebanyak 973 kaki padu sesaat berdasarkan rekod diambil pada jam 8 pagi," katanya selepas lawatan di Kilang Seri Merbok di Simpang Empat di sini pada Ahad.

Beliau menasihati orang ramai tidak menyebarkan berita tidak tepat dengan mengaitkan situasi banjir di beberapa daerah susulan limpahan air empangan.

"Sekiranya berlaku limpahan, kami akan memaklumkan kepada pihak berkaitan termasuk Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta pejabat daerah Sik dan Kuala Muda.

"Ini supaya agensi berkenaan dapat bersiap sedia dan mengeluarkan arahan berjaga-jaga kepada penduduk yang tinggal di sepanjang Sungai Muda.

"Sekiranya berlaku peningkatan paras di lain-lain empangan, kami akan membuat perbincangan bagi mencapai keputusan terbaik untuk mengelakkan situasi lebih buruk," katanya.

Ahmad Tarmizi berkata, kedudukan takungan Empangan Pedu pada Ahad adalah sebanyak 91.68 peratus, Empangan Muda, 104.20 peratus dan Empangan Ahning, 95.71 peratus.

Dalam perkembangan lain, Ahmad Tarmizi berkata, banjir di Kawasan III Pendang melibatkan 619.40 hektar sawah padi dengan anggaran kerosakan sebanyak 370 hektar iaitu 60 peratus daripada jumlah keseluruhan.

"Kerosakan ini menyebabkan pesawah perlu membuat pembelian semula benih padi untuk kerja-kerja penanaman semula. Kerugian hasil padi melibatkan tanaman berusia tiga hingga 30 hari (605 hektar) dan 100 hingga 120 hari (13.80 hektar).

"Kami akan membuat bancian semula untuk melancarkan proses permohonan Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)," katanya.

Tambah Ahmad Tarmizi, banjir di kawasan Pendang adalah disebabkan turunan hujan melebihi jumlah biasa dan bukan disebabkan limpahan air empangan.

**Berita asal di Sinar Harian*

Banjir di Pendang, Pokok Sena akibat hujan lebat berterusan

370 hektar sawah rosak

Oleh **NUR ANATI JUHARI**
utusannews@mediamula.com.my

ALOR SETAR: Banjir kilat yang melanda Pendang, Jumaat lalu mengakibatkan seluas 370 hektar sawah padi daripada keseluruhan 619.4 hektar di kawasan itu rosak.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Ahmad Tarmizi Sulaiman berkata, pihaknya bagaimanapun belum mendapat laporan mengenai ke-rosakan sawah padi di Pokok Sena yang turut dilanda banjir.

"Jumlah kerugian di Pendang masih dalam penilaian. Banciaan juga dilakukan bagi memohon Tabung Bantuan Bencana Tanaman Padi untuk proses penanaman semula," katanya semalam.

Sementara itu, Ahmad Tarmizi menafikan dakwaan kononnya kejadian banjir di Pokok Sena dan Pendang berlaku disebabkan limpahan dari empangan, sebaliknya akibat hujan lebat berpanjangan.

Beliau memberitahu, takungan air di Empangan Muda di Sik, dekat di sini didapati melebihi paras biasa iaitu pada kadar 104.2 peratus berikutan hujan yang tinggi sejak kebelakangan ini.

Katanya, keadaan itu mengaki-



PENGUNA Jalan raya meredah air dalam kejadian banjir di pekan Pokok Sena, Alor Setar, Kedah. - **UTUSAN/SHAHIR NOORDIN**

batkan berlakunya limpahan air dari empangan tersebut ke Sungai Muda.

"Limpahan air dari Empangan Muda ini yang berjumlah 973 kaki padu sesaat itu dialirkan ke Sungai Muda dan tidak masuk ke kawasan sawah," katanya.

Sementara itu, jumlah mangsa

banjir di negeri ini meningkat selepas seramai 446 mangsa dipindahkan di 10 pusat pemindahan sementara (PPS) di tiga daerah setakat semalam.

Mangsa banjir yang dipindahkan seramai 243 orang daripada 65 keluarga di lima PPS di daerah Baling dan Pendang.

Ketua Bahagian Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Kedah, Mejar (PA) Mohd. Muaz Mohd. Yusof berkata, sehingga pukul 8 pagi semalam, tujuh PPS dibuka di Baling, dua di Pokok Sena dan satu di Pendang.

Agihan benih padi selesai Khamis

ALOR SETAR: Pengagihan bekalan benih padi sah kepada pesawah yang membuat tempahan menerima Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dijangka selesai pada 4 November ini.

Pengerusi MADA, Ahmad Tarmizi Sulaiman berkata, proses pengedaran benih padi tersebut mencapai 86.4 peratus atau sebanyak 102,644 beg diterima oleh petani bagi penanaman musim 2/2021.

Katanya, sebanyak 130,338 beg benih padi dipesan oleh pesawah melalui PPK MADA sehingga 27 Oktober lalu.

Sementara itu, katanya, PPK MADA pula menerima bekalan sebanyak 118,813 atau 91 peratus beg benih padi dalam tempoh tersebut.

"Jumlah pesanan yang diterima PPK adalah hanya 20 peratus daripada keseluruhan keperluan benih padi di kawasan Muda

yang melibatkan kawasan seluas 96,558 hektar yang memerlukan 13,518 tan metrik atau 675,906 beg benih padi," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melawat Kilang Benih Padi Seri Merbok, Simpang Empat di sini, semalam.

Ahmad Tarmizi memberitahu, MADA melaksanakan beberapa inisiatif dan tindakan-tindakan proaktif bagi memastikan aktiviti penanaman oleh para peladang tidak tergendala.

"MADA turut melaksanakan pemantauan secara berkala di tiga peringkat pengeluaran benih padi iaitu di peringkat pengeluar, pemborong, makmal Jabatan Pertanian Malaysia dan di peringkat PPK sendiri," ujarnya.

Pada masa sama, beliau menasihatkan pesawah membuat tempahan benih padi menerima PPK bagi mengelak dimanipulasi harga oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.



AHMAD Tarmizi Sulaiman (dua dari kanan) diberi penerangan mengenai bekalan benih padi sah ketika melawat Kilang Benih Padi Seri Merbok, Simpang Empat, Alor Setar, Kedah.

Proses agih benih padi dijangka selesai Khamis



Ahmad Tarmizi (kiri) ketika melakukan lawatan ke Kilang Benih Padi Seri Merbok, Simpang Empat di Alor Setar, semalam.

(Foto Noorazura Abdul Rahman/BH)

Alor Setar: Proses pengagihan benih padi sah (BPS) kepada pesawah yang membuat tempahan menerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), dijangka selesai pada 4 November ini.

Pengerusi MADA, Ahmad Tarmizi Sulaiman, berkata aktiviti pengedaran BPS kini mencapai 86.4 peratus atau 102,644 beg sudah sampai kepada petani bagi penanaman musim 2/2021.

"Sehingga 27 Oktober, sebanyak 130,338 beg BPS dipesan pesawah melalui PPK MADA dan 118,813 atau 91 peratus beg BPS sudah diterima PPK. Jumlah pesanan diterima PPK hanya 20 peratus daripada keseluruhan keperluan BPS di kawasan MADA seluas 96,558 hektar yang memerlukan 13,518 tan atau 675,906 beg BPS.

"Dianggarkan 80 peratus daripada jumlah keseluruhan keperluan BPS diperolehi dari pasaran terbuka seperti ejen dan kedai swasta," katanya selepas melawat Kilang Benih Padi Seri Merbok, Simpang Empat, di sini semalam.

Sebelum ini, media melaporkan kan Badan Bertindak Petani

MADA mendakwa sekali lagi berlaku kelewatan proses pengagihan benih padi kepada PPK sehingga menjejaskan jadual penanaman membabitkan lebih 50,000 pesawah di Kedah dan Perlis.

Ahmad Tarmizi berkata, MADA juga melaksanakan beberapa inisiatif dan tindakan proaktif untuk memastikan aktiviti penanaman tidak tergendala, antaranya mengadakan beberapa siri mesyuarat dan perbincangan bersama pihak pengeluar BPS berkaitan.

Selain itu, katanya, perbincangan juga dibuat dengan agensi terbabit secara langsung dalam pengeluaran BPS seperti Jabatan Pertanian dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian

102,644
beg

benih padi sah sudah
diterima petani

Malaysia (MARDI), iaitu pada 18 Ogos dan 17 Oktober lalu.

"MADA turut melaksanakan pemantauan berkala tiga peringkat pengeluaran BPS, iaitu peringkat pengeluaran, pemborong, makmal Jabatan Pertanian dan PPK sendiri," katanya menasihatkan pesawah membuat tempahan BPS menerusi PPK bagi mengelak menjadi mangsa manipulasi harga oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Katanya, harga runcit BPS ditetapkan adalah RM35 satu beg, namun pihaknya mengesan terdapat peruncit mengambil kesempatan menjual harga melebihi RM40.

"Kita kesal dengan apa yang berlaku, ada peruncit ambil kesempatan manipulasi harga ketika pesawah memerlukan benih untuk memulakan penanaman padi musim 2/2021. Benih yang mendapat permintaan tinggi daripada pesawah adalah varieti MR297.

"Kita berharap pesawah yang membuat pesanan kepada PPK tidak menukar jenis pesanan pada saat akhir bagi mengelak kelewatan proses menabur benih seperti diadualkan MADA," katanya.

Agihan benih padi MADA selesai 4 Nov

Aktiviti pengedaran BPS sudah capai 86.4 peratus atau 102,644 beg bagi penanaman musim 2/2021

Oleh ROSHILA MURNI ROSLI

ALOR SETAR

Proses pengagihan benih padi sah (BPS) kepada pesawah dalam kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dijangka selesai pada 4 November ini.

Pengerusi MADA, Ahmad Tarmizi Sulaiman berkata, aktiviti pengedaran BPS sudah mencapai 86.4 peratus atau sebanyak 102,644 beg bagi penanaman musim 2/2021.

Katanya, sehingga 27 Oktober, sebanyak 130,338 beg BPS dipesan pesawah melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) MADA manakala sebanyak 118,813 atau 91 peratus beg BPS sudah diterima PPK.

"Jumlah pesanan yang diterima PPK pula hanya 20 peratus daripada keseluruhan keperluan BPS di kawasan Muda seluas 96,558 hektar yang memerlukan 13,518 tan metrik bersamaan 675,906 beg BPS.

"Selebihnya iaitu kira-kira 80 peratus daripada jumlah keseluruhan keperluan BPS diperolehi pesawah daripada pasaran terbuka seperti ejen dan kedai swasta," katanya selepas melawat Kilang Benih Padi Seri Merbok di Simpang Empat di sini pada Ahad.

Menurutnya, MADA juga



Ahmad Tarmizi (dua dari kanan) meninjau bekalan benih padi di Kilang Seri Merbok, Simpang Empat pada Ahad.

telah melaksanakan beberapa inisiatif dan tindakan-tindakan proaktif untuk memastikan aktiviti penanaman oleh para pesawah tidak tergendala.

"Antaranya termasuklah mengadakan beberapa siri mesyuarat dan perbincangan bersama pihak pengeluar BPS berkaitan dan agensi-agensi yang terbabit secara langsung dalam pengeluaran BPS seperti Jabatan Pertanian Malaysia dan Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) pada 18 Ogos dan 17 Oktober lalu.

"Selain itu MADA juga turut melaksanakan pemantauan secara berkala di tiga peringkat pengeluaran BPS iaitu di peringkat pengeluar, pemborong, makmal Jabatan Pertanian Malaysia dan di peringkat PPK sendiri," katanya.

Ahmad Tarmizi turut menasihatkan pesawah membuat

tempahan BPS menerusi PPK bagi mengelakkan terpedaya dengan jualan benih pada harga yang tidak masuk akal.

"Harga runcit BPS yang ditetapkan adalah RM35 satu beg namun kita mendapat aduan ada peruncit yang mengambil kesempatan menjual harga melebihi RM40 satu beg.

"Kita kesal dengan apa yang berlaku, ada peruncit ambil kesempatan manipulasi harga ketika pesawah memerlukan benih untuk memulakan penanaman padi musim 2/2021.

"Benih padi yang mendapat permintaan tinggi daripada pesawah adalah varieti MR297, namun kita berharap pesawah yang membuat pesanan kepada PPK tidak menukar jenis pesanan pada saat akhir bagi mengelak berlaku kelewatan proses menabur benih seperti yang dijadualkan oleh pihak MADA," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/11/2021	HARIAN METRO	BISNES	26

Agrobank tawar pembiayaan RM75,000

Kuala Lumpur: Agrobank akan menawarkan pembiayaan mikro sehingga RM75,000 pada kadar sifar peratus untuk tempoh enam bulan pertama dengan kemudahan moratorium sehingga enam bulan untuk menambah baik sektor pertanian negara.

Penanggung Tugas Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank Khadijah Iskandar berkata, langkah itu seiring dengan inisiatif kerajaan dalam Bajet 2022 yang dibentangkan Jumaat lalu iaitu peruntukan RM1.8 bilion yang akan disalurkan melalui skim kredit mikro

di pelbagai agensi seperti Tekun, Agrobank, Bank Simpanan Nasional, Bank Rakyat dan Bank Negara Malaysia (BNM).

“Kami berbesar hati berikutan di bawah Bajet 2022, peruntukan RM150 juta disediakan untuk pembiayaan keusahawanan belia melalui Agrobank dan BNM bagi meningkatkan sosioekonomi dan sumber pendapatan usahawan belia.

“Agrobank sedar peningkatan minat dalam kalangan belia serta sifat ingin tahu mereka mengenai pertanian,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/11/2021	SINAR HARIAN	BISNES	38

Agrobank akan tawar pembiayaan mikro tanpa caj faedah

KUALA LUMPUR - Agrobank akan menawarkan pembiayaan mikro sehingga RM75,000 pada kadar sifar peratus untuk tempoh enam bulan pertama dengan kemudahan moratorium sehingga enam bulan untuk menambah baik sektor pertanian negara.

Menurutnya, langkah itu seiring dengan inisiatif kerajaan dalam Bajet 2022 iaitu peruntukan RM1.8 bilion yang akan disalurkan melalui skim kredit mikro di pelbagai agensi seperti TEKUN, Agrobank, Bank Simpanan Nasional, Bank Rakyat dan Bank Negara Malaysia (BNM).

Sementara itu, Penanggung Tugas Presiden/Ketua Pegawai Eksekutifnya, Khadijah Iskandar berkata, bank itu berbesar hati berikutan di bawah Bajet 2022, peruntukan sebanyak RM150 juta disediakan untuk pembiayaan keusahawanan belia melalui Agrobank dan BNM bagi meningkatkan sosioekonomi dan sumber pendapatan usahawan belia.

“Agrobank sedar peningkatan minat dalam kalangan belia serta sifat ingin tahu mereka mengenai pertanian, yang secara amnya tertumpu kepada penggunaan teknologi yang menarik dalam pertanian seperti dron untuk pengurusan ladang, pertanian menegak di kawasan bandar dan ekosistem automatik.

“Agrobank akan terus memainkan peranan untuk membantu dan memberi inspirasi kepada lebih ramai belia untuk menceburi sektor pertanian,” katanya dalam satu kenyataan.

Agrobank tawar pembiayaan mikro tanpa caj faedah

Agrobank akan menawarkan pembiayaan mikro sehingga RM75,000 pada kadar sifar peratus untuk tempoh enam bulan pertama dengan kemudahan moratorium sehingga enam bulan untuk menambah baik sektor pertanian negara.

Langkah itu seiring inisiatif kerajaan dalam Bajet 2022 yang dibentangkan kelmarin iaitu peruntukan RM1.8 bilion yang disalurkan melalui skim kredit mikro pelbagai agensi seperti TEKUN, Agrobank, Bank Simpanan Nasional, Bank Rakyat dan Bank Negara Malaysia (BNM).

Sementara itu, Penanggung Tugas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar, berkata bank itu berbesar hati di bawah Bajet 2022, peruntukan RM150 juta disediakan untuk pembiayaan usahawanan belia melalui Agrobank dan BNM bagi meningkatkan sosioekonomi dan sumber pendapatan usahawan belia.

"Agrobank sedar peningkatan minat serta sifat ingin tahu mengenai pertanian, secara amnya tertumpu kepada penggunaan teknologi dalam pertanian untuk pengurusan ladang, pertanian di kawasan bandar, ekosistem automatik dan sebagainya.

"Agrobank terus memainkan peranan membantu dan memberi inspirasi kepada lebih ramai belia menceburi sektor pertanian," katanya dalam kenyataan.

BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/11/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Bajet 2022 khusus untuk jaminan bekalan makanan negara: Nafas



Pemberian subsidi benih, baja, harga dan pengeluaran padi dalam Bajet 2022 dijangka akan memberi manfaat yang menyeluruh kepada hampir sejuta ahli peladang di seluruh negara. (Gambar kecil: Zamri)

SHAH ALAM - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) menyifatkan Bajet 2022 sebagai bajet prihatin yang khusus dalam menjamin bekalan makanan negara ketika Malaysia sedang menuju ke fasa endemik

Covid-19.

Pengerusi Jemaah Pengarah Nafas, Datuk Zamri Yaakob berkata, Bajet 2022 dilihat bersifat komprehensif, menyeluruh dan turut mengambil kira keperluan warga peladang, penternak dan nelayan seluruh negara.

“Nafas gembira dengan subsidi benih, baja, harga dan pengeluaran padi iaitu RM1.5 bilion serta RM40 juta bagi subsidi baja padi huma dan bukit.

“Ia pastinya akan memberi manfaat yang menyeluruh kepada warga peladang lebih-lebih lagi kepada hampir sejuta ahli peladang (di bawah Nafas) di seluruh negara,” katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Dalam pada itu, Zamri turut melahirkan penghargaan terhadap pemberian perlindungan takaful kepada semua ahli peladang Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) seluruh negara di bawah Skim Perlindungan Takaful Smart Card Peladang dengan peruntukan sebanyak RM5 juta.

Katanya, perlindungan takaful itu tentunya akan memberi faedah langsung kepada ahli peladang dan seterusnya memastikan kebajikan golongan petani, penternak dan nelayan terus terpelihara.

Pada masa sama, Zamri berkata, peruntukan RM4.8 bilion yang diberikan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam Bajet 2022 itu menunjukkan kerajaan komited untuk mengekalkan momentum pengeluaran makanan di Malaysia khususnya tanaman padi yang merupakan komoditi tanaman makanan utama negara.

Ujar beliau, Nafas selaku institusi yang menerajui pergerakan juga komited dalam memperkasakan fungsi untuk menyediakan perkhidmatan berkualiti dan dinamik serta terus terlibat secara aktif dalam keseluruhan rantai nilai industri pertanian.

"Ia termasuk usaha untuk meneroka aktiviti nilai tambah dan hiliran khususnya dengan teknologi moden serta digital agar produktiviti dimaksimumkan dan pendapatan ahli dipertingkatkan.

"Nafas juga akan terus bersama-sama MAFI untuk memastikan insentif serta peruntukan di bawah Bajet 2022 yang diumumkan semalam dilaksanakan dengan cepat supaya dapat memberi manfaat maksimum kepada warga tani," jelas beliau.

Daripada keseluruhan peruntukan disediakan oleh kerajaan kepada MAFI, RM3.8 bilion daripadanya adalah bagi tujuan tujuan perbelanjaan mengurus diikuti perbelanjaan pembangunan (RM1.54 bilion) dan subsidi serta insentif keseluruhan (RM1.7 bilion).

Di peringkat nasional, Nafas dianggotai oleh 14 buah Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan 279 buah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

1/11/2021

SINAR

BAJET BASMI

7

HARIAN

AIRMATA RAKYAT

Bajet 2022 khusus untuk jaminan bekalan makanan negara - Nafas

SHAH ALAM - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) menyifatkan Bajet 2022 sebagai bajet prihatin yang khusus dalam menjamin bekalan makanan negara ketika Malaysia sedang menuju ke fasa endemik Covid-19.



ZAMRI

Pengerusi Jemaah Pengarah Nafas, Datuk Zamri Yaakob berkata, Bajet 2022 dilihat ber-sifat komprehensif, menyeluruh dan turut mengambil kira keperluan warga peladang, petani dan nelayan seluruh ne-gara.

"Nafas gembira dengan sub-sidi benih, baja, harga dan pe-ngeluaran padi iaitu RM1.5 bilion serta RM40 juta bagi subsidi baja padi huma dan bu-kit.

"Ia pastinya akan memberi manfaat yang menyeluruh ke-pada warga peladang lebih-lebih lagi kepada hampir sejuta ahli peladang (di bawah Nafas) di seluruh negara," katanya da-

lam satu kenyataan pada Sabtu.

Dalam pada itu, Zamri melahirkan penghargaan terhadap pemberian perlindungan takaful kepada semua ahli peladang Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) seluruh ne-gara di bawah Skim Perlindungan Takaful Smart Card Peladang dengan peruntukan sebanyak RM5 juta.

Katanya, perlindungan takaful itu tentunya akan memberi faedah langsung kepada ahli pe-ladang dan seterusnya memasti-kan kebajikan golongan petani, peniarnak dan nelayan terus ter-pelihara.

Zamri berkata, peruntukan RM4.8 bilion yang diberikan ke-pada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam Bajet 2022 ini menunjukkan ke-rajaan komited untuk mengekal-kan momentum pengeluaran makanan di Malaysia khususnya tanaman padi yang merupakan komoditi tanaman makanan uta-ma negara.



Pemberian subsidi benih, baja, harga dan pengeluaran padi dalam Bajet 2022 dijangka akan memberi manfaat yang menyeluruh kepada hampir sejuta ahli peladang di seluruh negara.

agar produktiviti dimaksimumkan dan pendapatan ahli diper-tingkatkan.

"Nafas juga akan terus bersama-sama MAFI untuk me-mastikan insentif serta per-untukan di bawah Bajet 2022 yang diumumkan semalam di-laksanakan dengan cepat supa-ya dapat memberi manfaat mak-simum kepada warga tani," jelas beliau.

Daripada keseluruhan per-

untukan disediakan oleh keraja-an kepada MAFI, RM3.8 bilion daripadanya adalah bagi tujuan tujuan perbelanjaan mengurus diikuti perbelanjaan pem-bangunan (RM1.54 bilion) dan subsidi serta insentif keseluruhan (RM1.7 bilion).

Di peringkat nasional, Nafas dianggotai oleh 14 buah Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan 279 buah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/11/2021	THE MALAYSIAN INSIGHT	ONLINE	

Belanjawan 2020: Jurang miskin kaya semakin melebar

HARAPAN untuk melihat ekonomi luar bandar di Malaysia mendapat suntikan penggalak atau "booster shot" dengan kadar segera dalam Belanjawan 2022 dalam usaha memulihkan ekonomi rakyat secara holistik ternyata mengecewakan.

Pemberian beberapa bentuk bantuan dalam Belanjawan 2022 yang dibentang Jumaat lepas (29 Oktober 2021) lebih tertumpu kepada keperluan masyarakat bandar dan kekurangan inisiatif untuk ekonomi luar bandar akan menyebabkan segmen ini lebih teruk terjejas, terutama dampak wabak Covid-19 berbanding kawasan bandar.

Peruntukan perbelanjaan pembangunan bagi Kementerian Pembangunan Luar Bandar hanya meningkat sebanyak RM359 juta kepada RM7.016 bilion yang mana peruntukan ini tidak mencukupi bagi membangunkan kawasan luar bandar bagi merangsang ekonomi rakyat di kawasan ini.

Kerajaan seharusnya memberikan peruntukan pembangunan yang lebih besar bagi mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan penduduk luar bandar.

Ini adalah kerana menurut perangkaan yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan, gaji dan upah penengah di luar bandar telah jatuh sebanyak 14.1% untuk tahun 2020, berbanding 11.6% untuk pekerja di kawasan bandar.

Selain itu, negeri yang mempunyai saiz kawasan luar bandar yang signifikan telah menyaksikan meningkatnya tahap kemiskinan.

Kelantan, misalnya yang mana hampir separuh isi rumahnya tinggal di kawasan luar bandar, mencatatkan peningkatan kemiskinan mutlak yang ketara kepada 21.2% pada tahun 2020 daripada 12.4% (2019).

Terengganu juga menyaksikan peningkatan kemiskinan mutlak kepada 12% berbanding 6.1% (2019).

Justeru, Biro Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Parti Amanah Negara) menggesa agar peruntukan ini disemak semula dalam usaha mencapai kemakmuran bersama yang lebih adil dengan merapatkan jurang kemiskinan segmen bandar dan luar bandar.

Di samping itu, peruntukan untuk Kementerian Pertanian dan Industri Makanan juga tidak menunjukkan peningkatan yang signifikan yang merencat usaha ke arah meningkatkan keselamatan makanan (food security).

Subsidi untuk sektor pertanian dan perikanan kekal tidak berubah sebanyak RM1.7 bilion. Kerajaan juga gagal memberikan perhatian serius dalam meningkatkan penggunaan teknologi dalam bidang pertanian di mana hanya setakat RM120 juta diperuntukkan untuk usahawan berteraskan teknologi dan jumlah ini tidak cukup untuk mengukuhkan jaminan bekalan makanan.

Negara tidak boleh lagi terlalu bergantung kepada bekalan makanan import yang kini melangkaui lebih RM50 bilion setahun.

Kerajaan harus memastikan lebih banyak pembekal atau “vendor” untuk industri-industri penting diwujudkan di kawasan luar bandar. Ini bagi mengukuhkan rantai bekalan atau “supply chain” ekosistem perniagaan dan industri Malaysia terutama sektor pertanian.

Pelaburan awam serta swasta di kawasan luar bandar harus dipertingkatkan. Kesenjangan pembangunan dan sosio-ekonomi luar bandar dan bandar di Malaysia perlu dikurangkan.

Ekonomi luar bandar tidak boleh terus dianak-tirikan dalam arus pembangunan negara dan fiskal kerajaan, jika tidak jurang miskin kaya rakyat Malaysia akan semakin melebar. – 31 Oktober, 2021.

** Faiz Fadzil adalah pengerusi Biro Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar Parti Amanah Negara*

** Ini adalah pandangan peribadi penulis dan tidak semestinya mencerminkan pandangan rasmi The Malaysian Insight.*



01 NOV, 2021

Farmer strikes big with Lohan guava after poor veggie sales during MCO

Borneo Post (Kuching), Malaysia

Page 1 of 2

Farmer strikes big with Lohan guava after poor veggie sales during MCO

MELAKA: After facing difficulties in selling vegetables and losing thousands of ringgit each day following Movement Control Order (MCO) from March last year, Abd Halim Abdullah decided to turn to Lohan guava (GU16) farming.

Abd Halim, 45, who has been cultivating vegetables such as chillies and eggplants for the past 13 years, said he made the decision after income from his telecommunications contractor job also suffered during the period.

He now concentrates fully on Lohan guava or jambu batu cultivation and has three farms over a 2.83-hectares around Kampung Tengah, Pulau Gadong here, planted with about 1,000 trees.

"In the beginning, there were endless problems including issues over marketing which resulted in the fruits going to waste until I began to collaborate

with Melaka Federal Agricultural Marketing Authority (Fama).

"Alhamdulillah, the guava trees that I planted have reached maturity and are able to produce two tonnes of fruits to generate an income of RM10,000 a week," said Abdul Halim when met at his farm in Pulau Gadong here.

Apart from supplying to Fama Negeri Sembilan, Selangor, Kuala Lumpur and Melaka, Abdul Halim has been supplying his farm produce to about 50 small traders and a wholesaler in the state.

He said as the eight-tonne monthly supply was at times not sufficient for markets outside Melaka, he is currently working on a GU16 pilot project with six friends for the cultivation of 2,000 trees on a 3.24-hectare site in Jalan Setulang Daeng, Bukit Rambai.

"The group project took off in early October and the trees are being planted in stages to be fully

completed by December, and this would be followed by another project on a 6.47-hectare site in Bukit Katil early next year.

"The projects are implemented to meet the growing demand for Lohan guava and my aim is to produce at least 10 tonnes of guava a week by the end of next year," said Abdul Halim who comes from a farming family and now has four full-time employees including a person with disabilities (PwD) assisting in the three farms.

Abd Halim said he initiated the group farming project to share his experience and help his friends generate good income equivalent to that of professional workers.

"Growing vegetables and growing Lohan guava is different especially in terms of capital, workload and burden of risk," he said, adding that he has never regretted switching to guava cultivation.



Abd Halim checks the quality of a Lohan guava at his farm in Pulau Gadong. — Bernama photo

So far he has received encouraging response on the quality of the Lohan guava from buyers who have now become his regular customers as they found the fruits sweet, crunchy and juicy. — Bernama



01 NOV, 2021

Farmer strikes big with Lohan guava after poor veggie sales during MCO

Borneo Post (Kuching), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

MELAKA: After facing difficulties in selling vegetables and losing thousands of ringgit each day following Movement Control Order (MCO) from March last year, Abd Halim Abdullah decided to turn to Lohan guava (GU16) farming. Abd Halim, 45, who has been cultivating vegetables such as chillies and eggplants for the past 13 years, said he made the decision after income from his telecommunications contractor job also suffered during the period.

01 NOV, 2021

Farmer strikes big with Lohan guava

Borneo Post (KK), Malaysia

Page 1 of 2



Abd Halim Abdullah checking the quality of the guava at his garden in Pulau Gadong, Melaka. — Bernama photo

Farmer strikes big with Lohan guava

MELAKA: After facing difficulties in selling vegetables and losing thousands of ringgit each day following the movement control order from March last year, Abd Halim Abdullah decided to turn to Lohan guava (GU16) farming.

Abd Halim, 45, who has been cultivating vegetables such as chillies and eggplants for the past 13 years, said he made the decision after income from his telecommunications contractor job also suffered during the period.

He now concentrates fully on Lohan guava or jambu batu cultivation and today he has three farms over a 2.83-hectare area around Kampung Tengah, Pulau Gadong here, which are planted with about 1,000 trees.

"In the beginning, there were endless problems including issues over marketing which resulted in the fruits going to waste until I began to collaborate with Melaka Federal Agricultural Marketing Authority (Fama).

"Alhamdulillah, the guava trees that I planted have reached maturity and are able to produce two tonnes of fruits to enable me to generate an

income of RM10,000 a week," said Abd Halim when met at his farm in Pulau Gadong here.

Apart from supplying them to FAMA Negeri Sembilan, Selangor, Kuala Lumpur and Melaka, Abd Halim has been supplying his farm produce to about 50 small traders and a wholesaler in the state.

According to Abd Halim as the eight-tonne monthly supply was at times not sufficient for markets outside Melaka, he is currently working on a GU16 pilot project with six friends for the cultivation of 2,000 trees on a 3.24-hectare site in Jalan Setulang Daeng, Bukit Rambai.

The group project took off in early October and the trees are being planted in stages to be fully completed by December, and this would be followed by another project on a 6.47-hectare site in Bukit Katil early next year.

"The projects are implemented to meet the growing demand for Lohan guava and my aim is to produce at least 10 tonnes of guava a week by the end of next year," said Abd Halim who comes from a farm family and now

has four full-time employees including a person with disabilities (PwD) to assist him in the three farms.

Abd Halim said he initiated the group farming project to share his experience and help his friends generate good income equivalent to that of professional workers.

"Growing vegetables and growing Lohan guava is different especially in terms of capital, workload and burden of risk," he said adding that he has never regretted switching to guava cultivation.

So far he has received encouraging response on the quality of the Lohan guava from buyers who have now become his regular customers as they found the fruits sweet, crunchy and juicy.

In terms of pricing, Abd Halim said the guavas are sold directly from the farms at RM5 per kilogramme for A grade fruits, B grade at RM4 and C grade at RM3.

On FAMA's proposal to brand his Lohan guava products and introducing them as Melaka's iconic fruit, Abd Halim said he felt honoured and appreciated the move. — Bernama



01 NOV, 2021

Farmer strikes big with Lohan guava

Borneo Post (KK), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Abd Halim Abdullah checking the quality of the guava at his garden in Pulau Gadong, Melaka. — Bernama photo

MELAKA: After facing difficulties in selling vegetables and losing thousands of ringgit each day following the movement control order from March last year, Abd Halim Abdullah decided to turn to Lohan guava (GU16) farming.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/11/2021	THE SUN	NEWS WITHOUT BORDERS	5

Farmer strikes it big with Lohan guava

MALACCA: After facing difficulties in selling vegetables and losing money each day following the movement control order since March last year, Abd Halim Abdullah decided to turn to Lohan guava farming.

Abd Halim, 45, who has been cultivating vegetables such as chillies and eggplants for the past 13 years, said he made the decision after income from his telecommunications contractor job also suffered during the period.

He now concentrates fully on Lohan guava, or *jambu batu*, cultivation and he now has three farms over a 2.83ha area around Kampung Tengah in Pulau Gadong with about 1,000 trees.

"In the beginning, there were endless problems, including issues over marketing. This resulted in the fruits going to waste, until I began to collaborate with the Malacca Federal Agricultural Marketing Authority."

Apart from supplying them to

Fama Negri Sembilan, Selangor, Kuala Lumpur and Malacca, Abdul Halim has been supplying his produce to about 50 small traders and a wholesaler in the state.

He is working on a Lohan guava pilot project with six friends for the cultivation of 2,000 trees on a 3.24ha site in Daeng, Bukit Rambai.

In terms of pricing, Abdul Halim said the fruits are sold directly from the farms at RM5 per kilogramme for Grade A, RM4 for Grade B and RM3 for Grade C. - Bernama



Abd Halim Abdullah tending to his guava trees in Pulau Gadong, Melaka, yesterday.
BERNAMA PIX

Farmer enjoying fruits of his labour in Lohan guava venture

MELAKA

AFTER facing difficulties in selling vegetables and losing thousands of ringgit daily due to the Movement Control Order last year, Abd Halim Abdullah's gamble to venture into Lohan guava farming is proving to be fruitful.

Halim, 45, who has been cultivating vegetables such as chillies and eggplants for the past 13 years, made the decision after losing his income as a telecommunications contractor.

He now focuses on Lohan guava cultivation and grows 1,000 trees on a 2.83ha plot that covers three farms at Kampung Tengah in Pulau Gadong here.

"In the beginning, there were endless problems, including marketing issues that resulted in the fruits going to waste.

"Then, I started collaborating with the Melaka Federal Agricultural Marketing Authority (Fama).

"The farms are now producing two tonnes of fruits that enable me to generate an income of RM10,000 a week," said Halim at his farm in Pulau Gadong.

Apart from supplying the produce to Fama Negri Sembilan, Selangor, Kuala Lumpur and Melaka, Halim also distributes the fruit to 50 small traders and a wholesaler in the state.

He said since the eight-tonne monthly supply of guava might be insufficient to market outside Melaka, he was working on another guava farming project with six friends to cultivate 2,000 trees on a 3.24ha site in Jalan Setulang Daeng, Bukit Rambal.

"The group project took off in early October and the trees are being planted in stages. It will be completed by December. This will be followed by another project on a 6.47ha site in Bukit Katil early next year.

"The projects meet the growing demand for Lohan guava. My aim is to produce at least 10 tonnes of guava a week by the end of next year," said Halim, whose full-time employees on the farm include a person with disability.

He said he initiated the group farming project to share his experience with his friends and to help them generate a good income. **Bernama**



Abd Halim Abdullah and his employee, Muhamad Amri Mat Asim, packing guavas picked at the farm.

Bajet 2022: Nelayan puas hati peruntukan RM150 juta



SHAH ALAM: Golongan nelayan di negeri ini berpuas hati apabila kerajaan memperuntukkan sebanyak RM150 juta dalam Bajet 2022 bagi pemberian subsidi dan insentif dalam industri perikanan dan pertanian bernilai RM1.7 bilion.

Walaupun peruntukan itu sama seperti tahun lalu, namun jumlah itu disifatkan sebagai memadai apabila sektor ekono-

mi ketika ini kembali pulih dan sepanjang pandemik golongan nelayan menjadi antara yang paling banyak mendapat perhatian kerajaan.

Pengerusi Persatuan Nelayan Selangor, Omar Abd. Rahman (gambar) berkata, Bajet 2022 yang dibentangkan dalam sidang Dewan Rakyat masih dianggap sebagai luar biasa memandangkan negara masih

lagi berada dalam pandemik Covid-19.

"Bagi saya, okeylah daripada tak ada dalam keadaan sekarang ini negara, pandemik ini memang memerlukan bajet yang agak luar biasa. Bagi saya, apa yang kerajaan buat dalam keadaan sekarang ini walaupun banyak atau sedikit itupun sudah amat memadai.

"Maknanya, rakyat tidak me-

latah dalam keadaan terdesak, merungut, nelayan tak boleh cari makan, tetapi saya tengok ketika pandemik, banyak bantuan disalurkan kepada nelayan.

"Bantuan seperti bakul makanan, skim seperti bantuan tunai dan banyak lagi turut diterima nelayan, ada RM300 dan RM500," katanya ketika dihubungi semalam.

Kekurangan diri pencetus kejayaan

Oleh RAJA JAAFAR ALI
utusan@cwz.mcdmulla.com.my

JOHOR BAHRU: Berkaki satu dan bergantung kepada kerusi roda dalam pergerakan yang terhad tidak menjadi halangan buat seorang mahasiswa menjadi usahawan bidang makanan.

Zainal Safuan Zainal Abidin, 31, kehilangan kaki kanannya akibat kemalangan jalan raya kira-kira 11 tahun lalu selepas motosikal ditunggangnya ketika pulang dari belajar secara berkumpulan dirempuh sebuah kereta.

"Ketika itu, saya sedang belajar di peringkat diploma dalam bidang perakaunan di Universiti Teknologi Mara (UITM) Larkin. Doktor beritahu terpaksa potong bahagian kaki saya sehingga paras betis kerana luka yang teruk dan tidak dapat diselamatkan.

"Apabila mendengar kata-kata doktor saya rasa amat sedih dan hampir putus asa, selama enam bulan saya cuti belajar dan cuba serasi dengan kehidupan baharu dengan sebelah kaki," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Tidak menjadikan kekurangan itu sebagai pengubah episod hidup, Zainal Safuan yang kini menyambung pengajian bagi menggemang sijil perakaunan profesional Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA) juga berniaga makanan secara dalam talian.

Lebih membanggakan apabila anak ketiga daripada empat beradik itu memasak sendiri menu tengah hari iaitu nasi buter chicken dan salted egg serta spaghetti untuk dijual dengan harga RM5 hingga RM9 sebungkus.



ZAINAL Safuan Zainal Abidin gigit menyiapkan makanan yang ditempah pelanggan meskipun terpaksa berkerusi roda ketika ditemui di rumahnya di Kampung Melayu Majidee, Johor Bahru. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

Katanya, dia mula belajar memasak melalui media sosial pada 2019 dan hanya mengambil masa kira-kira sebulan untuk mahir menyediakan makanan tersebut.

Walaupun berkerusi roda, Zainal Safuan tetap bergerak ke sana sini sama ada untuk membeli bahan mentah, memasak tanpa bantuan sesiapa sehingga ke peringkat penghantaran dengan memandu sendiri keretanya.

"Setiap hari, saya mula memasak sekitar pukul 8 pagi untuk menyiapkan antara 20 hingga 30 pek makanan sebe-

lum dihantar kepada pelanggan yang menempah di sekitar Johor Bahru.

"Meskipun sibuk dengan memasak dan menghantar pesanan, saya tetap tidak abaikan pelajaran yang berbaki 10 kursus lagi berkaitan perakaunan yang dilakukan secara dalam talian," katanya.

Zainal Safuan berkata, golongan yang senasib dengannya tidak wajar menjadikan kekurangan untuk tidak boleh berdikari. Tempahan bagi mereka keenakan masakan Zainal Safuan boleh dibuat di talian 011-1271 7574.



PAK Onn kelihatan hampa kerana tidak banyak hasil laut yang diperolehnya ketika ditemui di Pantai Bagan Lalang, Sepang, Selangor. - UTUSAN/MAISARAH SHEIKH RAHIM

Nasib nelayan 'kais pagi makan pagi'

SEPANG: Ibarat 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang'. Begitulah nasib nelayan persendirian yang hanya bergantung kepada hasil tangkapan harian demi sesuap nasi.

Seorang nelayan yang ditemui *Utusan Malaysia* di tengah laut Pantai Bagan Lalang di sini kelihatan hampa ketika disapa sewaktu sedang menjala ikan.

Dia yang dipanggil sebagai Pak Onn berkata, pada hari tersebut sudah lima pusingan dia berulang alik mencari ikan, namun tidak banyak ikan yang berjaya ditangkap.

"Ini sahaja ikan yang dapat hari ini. Biasanya saya bagi percuma sahaja kepada sesiapa kalau dapat ikan biasa-biasa. Tak jual pun.

"Kadang-kadang ikan pun ikut musim, kadangkala dapat ikan banyak, kalau nasib tak

baik, tak dapat apa-apa. Kalau musim panas macam ni selalunya ikan tak muncul, ikut rezeki," katanya.

Pak Onn berkata demikian baru-baru ini ketika sesi lawatan hutan paya bakau menyusuri pantai Bagan Lalang oleh Hotel Avani Sepang Goldcoast Resort.

Bapa kepada enam anak itu memberitahu, pendapatannya hanya bergantung kepada jualan hasil laut yang diperolehi setiap hari sepanjang 25 tahun sebagai nelayan kecil-kecilan.

Pak Onn yang kini mencecah umur 55 tahun berkata, hasil pendapatannya pula tidak sepenuhnya digunakan untuk perbelanjaan isi rumah.

Namun, katanya, dia perlu memperuntukkan wang hasil jualan untuk mengisi petrol bot dan kos menyelenggara pengangkutan utama itu.

Permintaan daging tempatan meningkat

Oleh MUHAMMAD ARIF ISMAIL

BACHOK: Permintaan terhadap bekalan daging tempatan semakin diminati selepas status halal daging import agak meragukan sebelum ini.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, rakyat sekarang tumpu kepada daging tempatan walaupun harganya berbeza sedikit.

"Tetapi mereka berpuas hati dengan kualiti dan yakin status halal daging tempatan berbanding daging yang diimport," katanya ketika ditemui selepas perasmian program Usahawanita Tani al Falah bagi tahun 2020 dan 2021 di Kampung Pengkalan Chengal di sini baru-baru ini.

Turut hadir timbalannya Abdul Azziz Kadir; Timbalan Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (UKEKWA), Rohani Ibrahim; Timbalan Pengarah Urusetia Belia dan Sukan (U-Bes) Mohamad Kamal Mohamed.

Tuan Mohd Saripudin juga berkata, program Usahawanita Tani al Falah yang dilancar tahun lepas sehingga sekarang berjaya melahirkan 14 usahawan wanita dalam bidang pertanian, penterbangan dan perikanan.



Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail melawat projek Usahawanita Tani al Falah.

Katanya tahun ini lapang lagi usahawan wanita menceburi sektor tersebut secara kecil-kecilan dengan sokongan serta bantuan kerajaan negeri.

"Insya-Allah sasaran kita untuk menambah lagi usahawanita di bawah kelolaan kerajaan negeri dengan kerjasama Urus setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita di peringkat Dun.

"Kita beri bantuan mengikut minat peserta, ada yang pilih ternak lembu, kambing dan ayam. Kita pilih peserta yang sudah memulakan pe-

rusahaan mereka secara kecil-kecilan," katanya.

Menurutnya juga kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM225,000 iaitu RM75,000 kepada U-Bes, UKEKWA dan Halaqat Dakwah untuk melahirkan usahawan.

"Apa yang penting kita berjaya melahirkan usahawan-usahawan baru, di samping itu langkah sama turut dibuat agensi kerajaan lain untuk melahirkan usahawan dalam bidang pertanian, perikanan dan penterbangan," tambahnya.